

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]
TARIKH : 11 MAC 2014
SOALAN :**

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- (a) statistik jumlah hospital, doktor, jururawat dan katil di seluruh negara; dan
- (b) apakah tindakan yang telah, sedang dan bakal diambil oleh Kementerian untuk menarik doktor-doktor pakar kelahiran Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk kembali berkhidmat di tanah air.

Tuan Yang di-Pertua

Sehingga 31 Disember 2012, Malaysia mempunyai sejumlah 356 buah hospital dengan jumlah katil sebanyak 56,374. Daripada jumlah ini, 147 buah hospital merupakan hospital Kerajaan dengan 42,707 katil, dan 209 buah hospital merupakan hospital swasta dengan 13,667 katil. Bilangan hospital swasta yang dinyatakan ini tidak termasuk rumah bersalin swasta dan rumah jagaan kejururawatan swasta atau *private nursing homes*. Secara keseluruhan, 58.7 peratus di Malaysia adalah hospital swasta, manakala 41.3 peratus adalah hospital hospital Kerajaan.

Jumlah doktor yang berkhidmat di seluruh negara sehingga 31 Disember 2012 adalah 38,718 orang, dengan 27,478 atau 71.0 peratus doktor berkhidmat di sektor awam dan 11,240 atau 29.0 peratus doktor berkhidmat di sektor swasta. Sementara itu, jumlah jururawat di Malaysia adalah 84,968 orang dengan 56,089 orang atau 66.0 peratus jururawat di sektor awam dan 28,879 atau 34.0 peratus jururawat di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah menubuhkan Talent Corp bagi menarik profesional yang sedang berkhidmat di luar negara untuk kembali berkhidmat di Malaysia. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, lebih daripada 150 Pegawai Perubatan Pakar, Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian telah diluluskan di bawah *Returning Expert Programme* (REP). Daripada jumlah tersebut, 75 peratus adalah merupakan Pegawai Perubatan Pakar dan 20 peratus daripada Pegawai Perubatan Pakar tersebut telah kembali ke Malaysia dan berkhidmat di

sektor awam termasuk di Kementerian Kesihatan Malaysia dan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Sebagai langkah untuk menarik Pegawai Perubatan Pakar untuk berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia pula, Kementerian telah dan akan memperakukan Pegawai Perubatan Pakar kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk dilantik secara *lateral entry* berdasarkan pengalaman.